
**PEKELILING BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK
BIL. 4 TAHUN 2024**

**PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (PINDAAN 2024)**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penggunaan Peraturan Akademik Pascasiswazah Universiti Islam Selangor (UIS) (Pindaan 2024).

2. LATAR BELAKANG

Cadangan pindaan peraturan akademik ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengajian SiswaZah Bil. 7/2024 pada 19 Julai 2024 serta telah diperakukan pada Mesyuarat Senat UIS Bil. 129 Tahun 2024 bertarikh 5 Ogos 2024.

3. JUSTIFIKASI DAN RASIONAL

- 3.1. Penaiktarafan status daripada Kolej Universiti kepada Universiti penuh.
- 3.2. Pindaan berdasarkan kepada Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (MDD) Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Tahun 2021.
- 3.3. Semakan secara kritikal terhadap kandungan dan pindaan Peraturan Akademik Pascasiswazah KUS (Pindaan 2018) yang telah dilakukan.
- 3.4. Penambahbaikan Peraturan Akademik KUIS (Pindaan 2018) seda ada mengikut keperluan semasa.

4. PEMAKAIAN


Ketetapan ini hendaklah dipatuhi dan digunakan oleh semua Fakulti/ Pusat/ Institut yang berkaitan serta semua pelajar peringkat Pascasiswazah (Sepenuh Masa & Separuh Masa).

5. PEMANSUHAN

Peraturan Akademik Pascasiswazah KUIS (Pindaan 2018) yang telah diedarkan sebelum ini adalah terbatal.

6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Peraturan Akademik Pasasiswazah UIS (Pindaan 2024) ini berkuatkuasa pada Sesi I Tahun Akademik 2024/2025.



DATO' PROFESOR DR. MOHD FARID RAVI BIN ABDULLAH

Naib Canselor

27 September 2024